

## BAHASA, BUDAYA &amp; WARISAN KITA

Pada 4 November, beberapa guru Bahasa Melayu bakal menerima Anugerah Guru Arif Budiman (Agab) sebagai mengiktiraf sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Selama tujuh minggu, **BERITA HARIAN** mengetengahkan tulisan sumbangan beberapa guru penerima Agab untuk ruangan Bahasa & Budaya. Ia merangkumi pelbagai topik daripada cara menerapkan penggunaan bahasa sehinggalah masakan tradisional orang Melayu. Agab dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

## ► CIKGU NOR AZLIN ABDUL AZIZ

Saya gemar memerhatikan cara orang berhubung. Adakah mereka berkomunikasi dengan menggunakan ayat dalam bahasa Melayu sepenuhnya?

Atau adakah bahasa yang digunakan itu merupakan campuran dua bahasa?

Melalui pengamatan saya, cara keluarga Melayu berkomunikasi dengan anak-anak sudah semakin berubah.

Hal ini disebabkan demografi keluarga Melayu di Singapura yang menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih kerap di rumah.

Rata-rata ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak mereka dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Inggeris yang bercampur dengan bahasa Melayu.

Sebagai guru Bahasa Melayu, saya mendapati para pelajar lebih selesa dan terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris semasa mereka berkomunikasi dengan rakan-rakan.

Lagipun, sudah menjadi kelaziman bagi ibu bapa masa kini untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan kanak-kanak seawal usia enam bulan.

Justeru, kanak-kanak mempunyai lebih banyak pendedahan terhadap bahasa Inggeris sepanjang hari.

Sebagai ibu bapa kepada dua orang anak yang berumur empat tahun dan setahun, saya dan suami bersepakat untuk tumpu pada satu bahasa sahaja ketika berbual dengan anak-anak kami, khususnya semasa mereka bayi hingga berusia sekurang-kurangnya empat tahun.

Matlamat kami adalah untuk membina asas bahasa dan pada masa yang sama mendedahkan mereka dengan seberapa banyak kosa kata dalam bahasa tersebut.

Justeru, kami memilih untuk tumpu pada bahasa Melayu.

Antara sebab utamanya adalah kerana kedua-dua anak kami dihantar ke pusat jagaan kanak-kanak sepenuh hari.

Kadaan ini menyebabkan mereka terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Lantas, kami merasakan wajar mendedahkan mereka dengan penggunaan bahasa Melayu di rumah.

Antara usaha menerapkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan anak-anak kami adalah seperti berikut:

1) Kami mendedahkan mereka dengan lagu-lagu berbahasa Melayu. Kanak-kanak secara amnya suka bernyanyi.

Justeru, melalui nyanyian, dapatlah anak-anak kami mempelajari kosa kata yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian.

# Lentur lidah anak berbahasa Melayu di rumah



**MULA SEJAK KECIL:** Penulis beranggapan penggunaan bahasa Melayu yang kerap dan tekal merupakan langkah pertama untuk anak-anak menguasai sesuatu bahasa dengan baik. – Foto fail

“Sebagai ibu bapa kepada dua orang anak yang berumur empat tahun dan setahun, saya dan suami bersepakat untuk tumpu pada satu bahasa sahaja ketika berbual dengan anak-anak kami, khususnya semasa mereka bayi hingga berusia sekurang-kurangnya empat tahun. Matlamat kami adalah untuk membina asas bahasa dan pada masa yang sama mendedahkan mereka dengan seberapa banyak kosa kata dalam bahasa tersebut. Justeru, kami memilih untuk tumpu pada bahasa Melayu.”

– Penulis.

Contohnya, lagu tentang anggota badan, burung kakak tua, mahupun lagu asas seperti lagu hari lahir.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengajarkan kosa kata bahasa Melayu mengikut minat anak saya.

Misalnya, anak lelaki saya suka akan pengangkutan berat.

Secara kebetulan, kartun animasi, ‘Didi & Friends’, ada menyanyikan lagu tentang pengangkutan berat.

Melalui pendedahan ini, anak saya, yang pada ketika itu berumur dua tahun, dapat memahami dan menggunakan kosa kata seperti jentera berat, lori angkut dan lori simen dalam pertuturan sehariannya.

2) Kami turut menerapkan rutin membaca buku dalam bahasa Melayu pada setiap hari.

Lazimnya, saya akan meminjam buku cerita bahasa Melayu dari perpustakaan kejiwaan.

Semasa meminjam buku, saya memastikan ada buku yang dipilih sendiri oleh anak sulung saya, dan ada buku yang saya pilih untuk disesuaikan dengan umur dan minat anak saya.

Selalunya, saya akan memilih buku tentang hal-hal yang dekat dengan diri dan minatnya.

Rutin membaca ini dijalankan pada setiap hari sebelum anak-anak tidur.

3) Kami juga bertutur dengan anak-anak seperti kami bertutur dengan orang dewasa.

Kami tidak menggunakan perkataan seperti ‘maman’ untuk menyatakan maksud ‘makan’.

Sebaliknya, kami mengajar anak-anak untuk menggunakan perkataan yang betul seperti ‘stesen minyak’ semasa lalu di stesen minyak ataupun semasa mahu mengisi minyak kereta.

Kami menggunakan frasa seperti ‘perhentian bas’, ‘bas dua tingkat’, ‘tong kitar semula’ dan ‘tekan butang lif’ secara kerap walaupun anak-anak hanya berumur dua tahun.

Kami juga menggunakan intonasi yang pelbagai semasa menyebut frasa-frasa itu.

Intonasi yang pelbagai memudahkan

## BIODATA PENULIS



**CIKGU NOR AZLIN ABDUL AZIZ** bertugas sebagai Pegawai Perancangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan. Beliau merupakan penerima Anugerah Guru Arif Budiman (Agab) 2021.

anak-anak untuk mengingat dan menyebut semula frasa-frasa sebegini.

Dengan usaha yang dilakukan secara konsisten, kami berharap anak-anak akan membesar untuk menjadi penutur yang fasih berbahasa Melayu.

Malah, usaha kami membina kosa kata asas dalam diri anak-anak dapat membantu mereka untuk mempelajari bahasa Inggeris dengan lebih mudah.

Kami beranggapan bahawa penggunaan bahasa Melayu yang kerap dan konsisten merupakan langkah pertama untuk anak-anak menguasai sesuatu bahasa dengan baik. Anugerah Guru Arif Budiman